

Garis Panduan Dana Inovasi  
No. Rujukan : UKM-SPKPPP-PT(P)-INOVASI-  
AK04-GP01  
No. Semakan : 00  
Tarikh Semakan : 1 Januari 2023



**PUSAT INOVASI & PEMINDAHAN TEKNOLOGI  
(INOVASI@UKM™)  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

**GARIS PANDUAN  
DANA INOVASI  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)  
(PINDAAN 2020)**

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>Mukasurat</b>
1 BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
2 BAHAGIAN 2 (PENILAIAN PERMOHONAN)	8
3 BAHAGIAN 3 (PEMAKLUMAN KEPUTUSAN)	9
4 BAHAGIAN 4 LAPORAN KEMAJUAN)	8
5 BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	10
6 BAHAGIAN 6 (PERANAN)	11
7 BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)	13

---

**DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.  
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK DIBENARKAN**

## **BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)**

### **1.1 PENGENALAN**

- 1.1.1 Dana Inovasi diwujudkan untuk membangunkan prototaip dan memajukan hasil penyelidikan ke arah pra-pengkomersialan atau pengkomersialan bersama-sama dengan Syarikat Kolaborasi;
- 1.1.2 Dana ini akan membantu penyelidik mengenal pasti kehendak pasaran dan mengurangkan risiko pelabur dalam membiayai projek atau teknologi berisiko tinggi ke arah pengkomersialan. Ia akan digunakan bagi melonjakkan sesuatu teknologi atau perkhidmatan yang tertentu ke arah pengkomersialan;
- 1.1.3 Dana ini tidak boleh dianggap sebagai pelaburan atau ekuiti kepada penyelidik dan tidak boleh digunakan untuk menampung dana yang diterima dari sumber lain;
- 1.1.4 Dana Inovasi merupakan dana permulaan yang dianugerahkan setelah penyelidik dapat membuktikan konsep pembuktian (proof of concept, PoC) melalui salah satu mekanisme berikut:
- a) PoC telah dibangunkan, dan mempunyai rancangan perniagaan yang baik tetapi tiada prototaip; atau/dan
  - b) Pembangunan prototaip atau penskalaan.

### **1.2 OBJEKTIF**

Tujuan dana ini diwujudkan adalah untuk menampung jurang pembiayaan dalam pembangunan suatu inovasi atau teknologi dari tahap PoC kepada suatu tahap di mana ia boleh menjadi suatu produk atau perkhidmatan yang boleh dilesenkan kepada Syarikat Kolaborasi yang telah dikenal pasti.

### **1.3 SYARAT PERMOHONAN**

- 1.3.1 Permohonan terbuka kepada warga UKM seperti berikut:
- a) Kakitangan akademik; atau
  - b) Kakitangan akademik kontrak (termasuk bukan warganegara); atau
  - c) Kakitangan akademik yang bukan warganegara hendaklah mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia yang berjawatan tetap di UKM.
- 1.3.2 Hasil penyelidikan dan inovasi UKM yang telah mempunyai harta intelek (paten, perbaharuan utiliti, hak cipta, cap dagangan, rahsia dagangan, reka bentuk industri, rekabentuk susun atur litar bersepadu

dan varieti baru tumbuhan) yang berdaftar.

- 1.3.3 Harta intelek tersebut perlu mempunyai perkaitan yang jelas dengan projek yang dimohon;
- 1.3.4 Pemohon (disebut sebagai Ketua Projek selepas dianugerahkan Dana Inovasi);
- 1.3.5 Pemohon telah mempunyai Syarikat Kolaborasi dengan menyertakan profil syarikat yang lengkap termasuk bukti komitmen syarikat untuk terlibat dalam projek melalui surat hasrat (*letter of intent*, Lol) yang ditandatangani oleh wakil Pengurusan Syarikat Kolaborasi;
- 1.3.6 Syarikat Kolaborasi mesti menyumbang RM10,000.00 diambil kira sebagai fi komitmen/wang pendahuluan pelesenan. Contoh pengiraan seperti di bawah:

Jumlah Dana Inovasi yang diluluskan	Fi komitmen/wang pendahuluan pelesenan Syarikat Kolaborasi	Tujuan
RM100,000.00	RM10,000.00	Sumbangan RM10,000.00 sebagai sebahagian daripada fi komitmen/wang pendahuluan pelesenan harta intelek yang akan dihasilkan
RM70,000.00	RM10,000.00	

- 1.3.7 Pemohon dibenarkan memohon hanya satu (1) dana pra pengkomersialan dalam tempoh masa yang sama; dan
- 1.3.8 Jawatankuasa Penilaian Dana Inovasi (JKPDI) berhak memperakukan syarat-syarat tambahan atau pengecualian syarat-syarat utama seperti perkara 1.3.1 - 1.3.7 di atas yang bersesuaian sebelum Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan (JKP&P) yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) meluluskan sesuatu permohonan.

#### 1.4 TEMPOH PENYELIDIKAN

##### 1.4.1 Tempoh Diluluskan

Tempoh projek ialah enam (6) hingga 12 bulan, sebagaimana yang diluluskan oleh penilai.

##### 1.4.2 Tambah Masa Tempoh Projek

Permohonan tambah masa boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat aktiviti yang masih belum dicapai. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Tambah Masa Projek Dana Inovasi (UKM-SPKP-PIK-PK03-BO13). Syarat-syarat

permohonan adalah:

- a) Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh tamat projek;
- b) Penambahan masa hanya akan diberi sekali sahaja;
- c) Tempoh tambahan masa maksimum adalah enam (6) bulan sahaja; dan
- d) Setiap permohonan perlulah disokong dengan Laporan Kemajuan Dana Inovasi yang terkini

## 1.5 TATACARA PERMOHONAN

- 1.5.1 Pemohon perlu menghantar Borang Permohonan Dana Inovasi (**UKM-SPKPPP-PT(P)15-INOVASI-AK04-BR01**) beserta dokumen sokongan kepada Urusetia Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM<sup>TM</sup>); dan
- 1.5.2 Permohonan perlu dikemukakan kepada INOVASI@UKM<sup>TM</sup> pada atau sebelum tarikh tamat permohonan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

## 1.6 PERATURAN PERBELANJAAN

- 1.6.1 Had maksimum pemberian Dana Inovasi ialah RM100,000.00. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan akhir untuk sesuatu projek yang diperaku oleh JKPDJ adalah bergantung kepada keputusan JKP&P.
- 1.6.2 Pemindahan vot hanya dibenarkan sekali sahaja.
  - a) **Vot 11000 (Upah dan Elaun)**
    - i) Kadar bayaran upah dan elaun bagi Pembantu Projek adalah tertakluk kepada kelayakan akademik (rujuk bahagian 1.6 perenggan iv). Pelantikan dan bayaran upah dan elaun diuruskan oleh UKM Technology Sdn. Bhd.;
    - ii) Pembantu Projek digalakkan terdiri daripada warganegara Malaysia dan yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun dan ke atas;
    - iii) Pembantu Projek mestilah tidak dalam perkhidmatan dengan mana-mana syarikat;

iv) Elaun dibayar berdasarkan kelulusan seperti berikut:

- Maksimum RM3,000 sebulan bagi Pembantu Projek yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD);
- Maksimum RM2,000 sebulan bagi Pembantu Projek yang memiliki Ijazah Sarjana; dan
- Maksimum RM1,800 sebulan bagi Pembantu Projek yang memiliki Ijazah Sarjana Muda.

v) Lantikan Pembantu Projek dihadkan kepada satu (1) orang sahaja bagi setiap projek dalam satu-satu masa; dan

vi) Pembiayaan berikut TIDAK dibenarkan dengan menggunakan mana-mana vot:

- Lantikan untuk Pembantu Penyelidik (RA);
- Lantikan pelajar latihan industri (internship);
- Lantikan dalam kalangan kakitangan syarikat kolaborator;
- Lantikan dalam kalangan pelajar;
- Bayaran bulanan KWSP dan PERKESO;
- Bayaran elaun makan dan lojing;
- Bayaran elaun penginapan; dan
- Bayaran elaun perjalanan.

**b) Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**

i) Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik sahaja (tidak melebihi 15% daripada jumlah dana) yang berkaitan aktiviti prapengkomersialan sahaja;

ii) Penggunaan vot yang telah diluluskan melalui Sistem eMohon Aktiviti Rasmi (Sistem e-Aktiviti) adalah tertakluk kepada kertas kerja yang dihantar untuk kelulusan Pengarah INOVASI@UKM™;

iii) Penggunaan vot hanya untuk ahli projek yang diperaku sahaja (rujuk bahagian 1.3.1 perenggan c); dan

iv) Pembiayaan berikut TIDAK dibenarkan:

- Perjalanan ke luar negara; dan
- Perjalanan bagi tujuan pameran, pembentangan dan persidangan.

**c) Fot 24000 (Sewaan)**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan pembangunan prototaip. Bayaran sewaan bilik mesyuarat/dewan bagi tujuan pakej bengkel/program yang berkaitan dengan kelangsungan projek adalah tertakluk atas kelulusan JKP&P selepas perakuan Jawatankuasa Teknikal Dana Inovasi (JKTDI) diperoleh.

**d) Fot 27000 (Bekalan dan Bahan)**

- i) Terhadap kepada perbelanjaan berkaitan bahan pembangunan prototaip sahaja; dan
- ii) Pembiayaan berikut **TIDAK** dibenarkan:
  - Kertas, toner, cakera padat, pemacu pena, cakera keras, alat tulis, perisian anti-virus, bahan rujukan dan pembayaran bil utiliti; dan
  - Pembelian bekalan dan bahan daripada Syarikat Kolaborasi.

**e) Fot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)**

- i) Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil (sekiranya perlu); dan
- ii) **Pembiayaan berikut TIDAK** dibenarkan:
  - Pengubahsuaian premis;
  - Pembelian dan pemasangan pendingin udara; dan
  - Pembelian perabot

**f) Fot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)**

- i) Fot ini meliputi bayaran perkhidmatan profesional, honorarium dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pembangunan prototaip. Ini tertakluk kepada kelulusan JKPDl.
- ii) Untuk caj perkhidmatan analisis yang melebihi RM500.00 perlu menggunakan kaedah pembayaran melalui pesanan rasmi. Walau bagaimanapun, untuk caj perkhidmatan analisis dalaman (antara jabatan). Permohonan secara bertulis perlu dibuat terlebih dahulu melalui Pengurus Projek.

iii) Pembiayaan berikut **TIDAK** dibenarkan:

- Bayaran honorarium kepada Ketua Projek dan ahli
- kumpulan;
- Bayaran honorarium kepada kakitangan Syarikat
- Kolaborasi;
- Menghasilkan pelan perniagaan dan kajian pasaran;
- Bayaran fi keahlian badan professional; dan
- Bayaran bantuan kewangan tahunan (bonus).

g) **Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)**

Pembelian peralatan dan aksesori yang berkaitan dengan pembangunan prototaip sahaja. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Jumlah yang dipohon adalah tidak melebihi 40% daripada jumlah dana.

## 1.7 OUTPUT PROJEK

1.7.1 Output projek adalah seperti berikut:

- a) Prototaip yang berjaya mencapai objektif yang telah diluluskan; dan
- b) Prototaip dikomersialkan kepada Syarikat Kolaborasi atau syarikat lain yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak; dan
- c) Penghasilan sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek (HI).

1.7.2 Hasil pengkomersialan perlu diagihkan mengikut Dasar Pengkomersialan Harta Intelek UKM 2018.

1.7.3 Syarikat Kolaborasi diberi hak untuk pelesenan produk dengan mengambilkira fi komitmen daripada Syarikat Kolaborasi sebagai sebahagian daripada bayaran pelesenan seperti di bahagian 1.3.6.

1.7.4 Semua HI yang terhasil daripada projek Dana Inovasi ini adalah hak milik UKM sepenuhnya. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang hubungan kontraktual berkenaan dengan hak pemilikan HI Antara UKM dan Syarikat Kolaborasi maka hubungan kontraktual tersebut mengatasi garis panduan ini. (Rujuk 4.3.5 Dasar Harta Intelek UKM 2018).



## **BAHAGIAN 2 (PENILAIAN PERMOHONAN)**

### **2.1 PENILAIAN PERMOHONAN**

- 2.1.1 Ketua Projek dan Syarikat Kolaborasi mesti hadir untuk membentangkan permohonan kepada JKPDI;
- 2.1.2 Pemohon diperuntukkan tempoh selama 10 minit untuk pembentangan cadangan projek dan 20 minit untuk sesi soal jawab;
- 2.1.3 Semua permohonan akan dinilai oleh JKPDI yang dilantik; dan
- 2.1.4 Carta alir Proses Permohonan Dana Inovasi adalah seperti di Bahagian 7.

## **BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)**

### **3.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN**

- 3.1.1 Keputusan permohonan Dana Inovasi dimaklumkan kepada Ketua Projek dan Syarikat Kolaborasi selepas mendapat kelulusan mesyuarat JKP&P;
- 3.1.2 Sekiranya diluluskan, Ketua Projek dan Syarikat Kolaborasi akan menerima surat tawaran dan perlumenandatangani Surat Pengakuan Penerimaan; dan
- 3.1.3 Surat Pengakuan Penerimaan mesti dikembalikan kepada Urus setia Dana Inovasi selewat-lewatnya 14 hari bekerja selepas pemakluman keputusan kepada pemohon.

## **BAHAGIAN 4 (LAPORAN)**

### **4.1 LAPORAN KEMAJUAN**

- 4.1.1 Ketua Projek bertanggungjawab menghantar Laporan Kemajuan projek melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) setiap enam (6) bulan;
- 4.1.2 Kemajuan projek dana ini akan dipantau oleh Pengurus Projek menurut carta perbatuan yang telah diluluskan; dan
- 4.1.3 Sebarang permohonan perubahan pada carta perbatuan dan belanjawan projek perlu diperaku dalam mesyuarat JKTDI dan mendapat kelulusan daripada Pengarah INOVASI@UKM™.

## 4.2 LAPORAN AKHIR PROJEK

- 4.2.1 Laporan akhir projek perlu dikemukakan kepada Urus setia Dana Inovasi tidak lewat dari dua (2) bulan selepas tarikh tamat projek melalui SMPU; dan
- 4.2.2 Ketua Projek dikehendaki membentangkan laporan akhir kepada INOVASI@UKM™ pada tarikh yang akan ditetapkan.

## BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)

### 5.1 KEAHLIAN PROJEK

- 5.1.1 Sekiranya Ketua Projek tidak dapat meneruskan projek di atas sebab-sebab tertentu seperti tamat perkhidmatan, program sabatikal, menjalani sangkutan penyelidikan melebihi dua (2) bulan, masalah kesihatan atau meninggal dunia maka Ketua Projek/penyelidik bersama perlu mengisi Borang Permohonan Pertukaran/Memangku Ketua Projek/Penambahan Penyelidik Bersama (**UKM-SPKP-PIKPK03-BO12**).
- 5.1.2 Ahli projek tidak boleh terdiri daripada kakitangan Syarikat Kolaborasi.

### 5.2 PROJEK BERMASALAH DAN PENALTI

- 5.2.1 Projek bermasalah adalah seperti berikut:
- Projek yang tidak menunjukkan kemajuan selepas tiga (3) bulan pertama;
  - Syarikat Kolaborasi menarik diri;
  - Syarikat Kolaborasi gagal membuat bayaran sumbangan sebanyak RM10,000.00;
  - Projek yang tidak mematuhi garis panduan;
  - Projek tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang diluluskan; dan
  - Projek tidak mencapai mana-mana output yang dinyatakan dalam Bahagian 1.7.
- 5.2.2 Jenis-jenis penalti adalah seperti berikut:
- Ketua Projek yang tidak mencapai output dalam Perkara 1.7 boleh disenarai hitam oleh INOVASI@UKM™ bagi tempoh satu (1) tahun;
  - Projek boleh ditamatkan bagi Perkara 5.2.1 a); b); c); d); dan e); dan
  - Syarikat Kolaborasi boleh disenarai hitam sekiranya berlaku Perkara 5.2.1 b).

### 5.3 PENGECUALIAN

Pertimbangan dan pengecualian terhadap syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan ini boleh diberikan berdasarkan keputusan JKP&P dan JKTDI.

## **BAHAGIAN 6 (PERANAN)**

### **6.1 PUSAT INOVASI & PEMINDAHAN TEKNOLOGI (INOVASI@UKM™)**

- 6.1.1 Memaklumkan pelawaan permohonan dana kepada Fakulti/Institut/Pusat;
- 6.1.2 Menerima dan memproses permohonan yang dihantar dan dibawa ke sesi penilaian;
- 6.1.3 Memaklumkan keputusan penilaian kepada Pemohon;
- 6.1.4 Memberikan bimbingan dan bantuan kepada para penyelidik dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan projek yang dicadangkan;
- 6.1.5 Menilai prestasi kemajuan projek yang dijalankan;
- 6.1.6 Mengesyorkan sebarang perubahan dalam projek apabila perlu.

### **6.2 KETUA PROJEK**


- 6.2.1 Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang dikehendaki;
- 6.2.2 Memberikan maklum balas Surat Pengakuan Penerimaan tawaran pada masa yang ditetapkan;
- 6.2.3 Memulakan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti dalam surat tawaran;
- 6.2.4 Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Dana Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- 6.2.5 Memastikan projek penyelidikan berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif penyelidikan dan carta perbatuan mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi;
- 6.2.6 Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada UKM dan Syarikat Kolaborasi;
- 6.2.7 Memastikan laporan kemajuan dan laporan akhir diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- 6.2.8 Memastikan perbelanjaan mengikut jumlah seperti yang telah diluluskan; dan
- 6.2.9 Membuat permohonan tambah masa jika projek memerlukan masa tambahan; dan
- 6.2.10 Menguruskan aset mengikut Pekeliling Bendahari Bil.5/2019-Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti.

### **6.3 SYARIKAT KOLABORASI**

- 6.3.1 Memberikan maklum balas setuju menerima tawaran dengan mengisi Surat Pengakuan Penerimaan tawaran pada masa yang ditetapkan;
- 6.3.2 Menandatangani Memorandum Perjanjian dan/atau Perjanjian Pelesenan Teknologi;
- 6.3.3 Menyalurkan sumbangan RM10,000.00 fi komitmen/wang pendahuluan pelesenan kepada akaun projek sebelum Memorandum Perjanjian ditandatangani dengan menyertakan bukti pembayaran;
- 6.3.4 Fi komitmen ini adalah sebahagian daripada fi pelesenan. Sekiranya aktiviti pengkomersialan tersebut tidak diteruskan, maka fi ini tidak akan dikembalikan;
- 6.3.5 Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk memberi akses fasiliti, premis dan maklumat berkaitan projek kepada Ketua Projek untuk kemajuan pembangunan prototaip atau produk;
- 6.3.6 Syarikat Kolaborasi perlu memberikan maklum balas terhadap Surat Tawaran berkenaan pelesenan dalam masa yang telah ditetapkan; dan
- 6.3.7 Sekiranya berlaku konflik di antara Ketua Projek dengan Syarikat Kolaborasi, perkara tersebut perlu diselesaikan oleh kedua-dua belah pihak sebelum dirujuk kepada INOVASI@UKM™ untuk tindakan selanjutnya.

**BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)**

**CARTA ALIR PERMOHONAN DANA INOVASI UKM**



UKPC = Unit Kewangan Penyelidikan CRIM

**SEBARANG PERTANYAAN / MAKLUMAT TAMBAHAN BOLEH DIAJUKAN KEPADA:**

Urus setia Dana Inovasi  
Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor  
Tel: 03-8921 4116, Faks: 03-8921 4114,  
E-mel: [nursuhana@ukm.edu.my](mailto:nursuhana@ukm.edu.my)